

TARIKH : 25/1/2023

SURAT KHABAR : Kosmo

MUKA SURAT : 4

Lapor jika dicaj lebih RM15,000 bagi khidmat orang gaji

JOHOR BAHRU – Rakyat negara ini yang ingin mendapatkan perkhidmatan orang gaji warga Indonesia dinasihatkan membuat aduan sekiranya ejen meletakkan harga melebihi RM15,000 bagi seorang pekerja.

Konsul Jenderal KJRI Johor Bahru, Sigit S. Widiyanto berkata, pihaknya masih menerima aduan terdapat ejen mengenakan bayaran melebihi had ditetapkan melalui memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara, tahun lalu.

Menurut beliau, MoU yang ditandatangani pada April tahun lalu itu bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada kedua-dua pihak iaitu pekerja asing dan majikan.

“Sejak MoU ini termeterai, dianggarkan sekitar 1,000 permohonan bagi mendapatkan pekerja domestik warganegara Indonesia dibuat setakat ini.

“Jumlah tersebut dijangka terus meningkat berdasarkan permintaan semasa.

“Berdasarkan MoU itu, had maksimum dikenakan ejen bagi mendapatkan pekerja domestik tidak melebihi RM15,000. Kita masih terima aduan ada ejen mengenakan bayaran hingga RM20,000 atau RM30,000.

“Sehubungan itu, kita menasihati rakyat Malaysia untuk mem-



SIGIT (lima dari kanan) bergambar bersama petugas media Johor di Johor Bahru semalam.

buat laporan terus kepada KJRI bagi memastikan perkara itu tidak berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra KJRI Johor Bahru bersama Kelab Media Johor di sini semalam.

Tambah Sigit, pihaknya juga meminta majikan Malaysia dan juga warga Indonesia yang tidak mempunyai permit kerja sah di negara ini agar memanfaatkan program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 yang akan bermula pada 27 Januari ini.

“Kita akui, mungkin masih ramai majikan di negara ini yang menawarkan pekerjaan kepada warga Indonesia secara tidak sah.

“Ramai juga rakyat Indonesia yang masuk ke Malaysia menggunakan visa pelancong, tetapi tidak pulang selepas tempoh 30 hari tamat.

“Jadi dengan adanya program RTK 2.0, kita menyeru majikan dan warga Indonesia tanpa permit kerja sah membuat permohonan terus bagi mendapatkan dokumen diperlukan,” ujarnya.

+